

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | Tanam 500,000 pokok di Sungai Kinabatangan |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro                               |             |                     |
| Date       | 15 Dec 2012                                | Color       | Full Color          |
| Section    | Setempat                                   | Circulation | 324,097             |
| Page No    | 45   | Readership  | 1,981,000           |
| Language   | Malay                                      | ArticleSize | 160 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 5,909            |
| Frequency  | Daily                                      | PR Value    | RM 17,728           |



**SERAH...**Peter (kiri) menyerahkan pokok sebagai simbolik perasmian kepada Zoal Azha.

## Tanam 500,000 pokok di Sungai Kinabatangan

**K**EPONG: Nestle Malaysia menasarkankan untuk menanam 500,000 sepanjang Sungai Kinabatangan, Sabah menjelang 2014.

Menerusi Projek Nestle RiLeaf, syarikat berkenaan akan meneruskan komitmennya kepada alam sekitar dengan menambah sekurang-kurangnya 100,000 lagi pokok di sungai terbabit tahun depan.

Pengarah Urusannya, Peter R Vogt berkata, projek ter-

sebut bermula tahun ini dan Nestle Malaysia sudah menanam 110,000 pokok daripada 14 spesies di sepanjang Sungai Kinabatangan.

“Inisiatif selama tiga tahun ini sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat syarikat berkenaan yang bertujuan membantu menyuburkan semula ekosistem.

“Penanaman pokok ini menunjukkan komitmen berterusan syarikat dan menjadi satu inisiatif utama pada ta-

hun ini bagi meraikan ulang tahun ke-100 Nestle Malaysia di negara ini,” katanya dalam Majlis Meraikan Pencapaian Penanam 100,000 Pokok Projek Nestle RiLeaf di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Zoal Azha Yusof dan Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abdul Latif Mohmod.